



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA

21 MAC 2025 (JUMAAT)

PGA rekod rampasan lembu, kambing seludup RM4.8 juta sejak 2024

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Harian Metro	Online		21 Mac

PGA rekod rampasan lembu, kambing seludup RM4.8 juta sejak 2024



ANTARA lembu seludup yang dirampas PGA. FOTO Ihsan PGA

Kota Bharu: Pasukan Gerakan Am (PGA) merekodkan rampasan lembu dan kambing yang diseludup dari Thailand sebanyak 1,005 ekor sejak tahun lalu sehingga kini dengan nilai keseluruhan sebanyak RM4.8 juta.

Jumlah itu membabitkan 530 ekor lembu dan 475 ekor kambing yang ditahan di kawasan sempadan Kelantan-Thailand di Kelantan.

Komander Briged Tenggara PGA, Datuk Nik Ros Azhan Nik Ab Hamid, berkata modus operandi penyeludupan lembu dikesan masih menggunakan taktik sama.

"Lembu berkenaan akan dibawa menyeberangi Sungai Golok dengan cara mengheret lembu induk menggunakan bot, manakala lembu yang lain akan berenang bersama mengikut induk berkenaan.

"Jika Sungai Golok ketika itu cetek, mereka akan mengheret lembu berkenaan seperti biasa," katanya ketika dihubungi.

Beliau berkata, harga lembu dari Thailand dipercayai lebih murah dengan kadar antara RM2,200 hingga RM3,200 bergantung kepada saiz dan berat.

"Faktor harga berkenaan yang mendorong penternak di sini dan negeri sekitar mengambil lembu dari Thailand.

"Malah, risikan kita mendapati penternak lembu tempatan sendiri disyaki antara yang menjadi dalang kepada kegiatan penyeludupan lembu berkenaan," katanya.

Bagaimanapun, katanya, PGA sentiasa mengatur kawalan ketat sepanjang Sungai Golok untuk menghalang kemasukan lembu dan lain-lain barang yang menyalahi undang-undang.

Jelasnya, kelompondan dalam sistem perundangan berhubung akta dan enakmen berkaitan haiwan ternakan menyebabkan penyeludup tidak gerun sekiranya ditangkap oleh pihak berkuasa.

Media sebelum ini melaporkan, lebih 70,000 lembu seludup direkodkan di empat negeri bersempadan Thailand, termasuk Kelantan, sepanjang tempoh tahun lalu.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), Datuk Seri Mohamad Sabu, dilaporkan berkata jumlah berkenaan adalah tinggi sehingga menyebabkan penternak di negeri sempadan terjejas teruk.

Penyeludupan produk sejuk beku tumpas, rampasan lebih RM800,000

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Harian Metro	Online	-	21 Mac

Penyeludupan produk sejuk beku tumpas, rampasan lebih RM800,000

📄 Summarize



PRODUK sejuk beku tiada permit import sah yang dirampas di Beluran dan Lahad Datu. FOTO Ihsan PGA Briged Sabah.

Kota Kinabalu: Pasukan Gerakan Am (PGA) Briged Sabah berjaya mematahkan kegiatan penyeludupan produk sejuk beku membabitkan rampasan berjumlah RM824,244 dalam serbuan di Lahad Datu dan Beluran, semalam.

Komander PGA Sabah, Datuk Abdul Rani Alias berkata, serbuan pertama ke atas kedai di Jalan Sapi Nangoh itu susulan maklumat Pasukan Unit Risik, Kompeni B Batalion 20 PGA Beluran.

Katanya, hasil pemeriksaan terhadap lori di premis mendapati terdapat 146 kotak daging ayam sejuk beku yang tidak memiliki sijil import, penjualan, dan penyimpanan daripada Jabatan Perkhidmatan Veterinar.

"Seorang lelaki warga emas berusia 67 tahun yang dipercayai penjaga bahan makanan itu ditahan untuk siasatan lanjut," katanya ketika dihubungi, hari ini.

Menurutnya, rampasan dalam serbuan itu dianggarkan RM228,509 merangkumi produk sejuk beku dan kenderaan lori, manakala kes disiasat mengikut Seksyen 60(1) Akta Binatang 1953 (Pindaan 2013) kerana menyimpan dan menjual produk haiwan tanpa kebenaran.

Sementara itu, serbuan kedua di premis penyimpanan dan penjualan barangan sejuk beku di Lahad Datu menahan tiga individu, manakala pelbagai jenis makanan sejuk beku, peralatan, dan sebuah lori dirampas dengan nilai keseluruhan mencecah RM595,735.40.

"Kes disiasat mengikut Enakmen Haiwan Sabah 2015 serta Peraturan (3) Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009," katanya.

Kesemua rampasan dan tahanan diserahkan kepada pihak Jabatan Veterinar Sabah untuk tindakan lanjut.

KPKM dakwa ada pihak tertentu seludup telur ayam AS susulan harga mahal

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Harian Metro	Online	-	21 Mac

Kilang sembelih ayam lepas air tanpa rawatan diarah henti operasi



Pegawai JAS Kedah mengambil sampel dalam longkang di kawasan kilang penyembelihan ayam yang tercemar. FOTO IHSAN JAS

Kulim: Jabatan Alam Sekitar (JAS) Kedah mengarahkan sebuah kilang sembelihan ayam di daerah ini menghentikan operasi berikutan tindakan mereka melepaskan air tanpa rawatan sehingga berlaku pencemaran.

Pengarahnya, Sharifah Zakiah Syed Sahar berkata, premis itu didapati melakukan kerja-kerja basuhan sisa ayam berserta darah yang dialirkan terus ke longkang monsun hingga ke longkang awam tanpa dirawat.

Menurutnya, tindakan Penahanan Operasi Kelengkapan (POK) diambil bagi menghentikan pencemaran daripada terus berlaku.

"Premis terbabit diarahkan untuk menghentikan operasi supaya langkah-langkah pembaikan dilakukan dengan segera bagi mengawal pencemaran yang berlaku.

"Notis Arahan Seksyen 31 & 37 dikeluarkan kepada premis untuk tindakan pembaikan dan penyelenggaraan segera dalam tempoh POK berkenaan," katanya dalam kenyataan, hari ini.

Sharifah Zakiah berkata, pemeriksaan di kilang itu antara pelaksanaan Ops Air Raya bagi memastikan pemeriksaan pematuhan pelepasan efluen premis di negeri ini.

Menurutnya, sebanyak enam premis diperiksa dalam operasi ini dan 17 tindakan penguat kuasa diambil.

"Sampel efluen bagi keenam-enam premis terbabit dihantar ke Jabatan Kimia Malaysia (JKM) dan tindakan lanjut akan diambil selepas keputusan analisa kimia diperolehi," katanya.

Penternak tempatan disyaki antara dalang seludup lembu Thailand - PGA

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Berita Harian	Online	-	21 Mac

Penternak tempatan disyaki antara dalang seludup lembu dari Thailand - PGA



Antara lembu seludup dirampas pihak berkuasa di Rantau Panjang. - Foto hiasan NSTP

KOTA BHARU: Pasukan Gerakan Am (PGA) merekodkan rampasan lembu dan kambing yang diseludup dari Thailand sebanyak 1,005 ekor sejak tahun lalu hingga kini dengan nilai keseluruhan sebanyak RM4.8 juta.

Jumlah itu membabitkan 530 lembu dan 475 kambing yang ditahan di kawasan sempadan Kelantan-Thailand di Kelantan.

Komander Briged Tenggara PGA, Datuk Nik Ros Azhan Nik Ab Hamid, berkata modus operandi penyeludupan lembu dikesan masih menggunakan taktik sama.

"Lembu akan dibawa menyeberangi Sungai Golok dengan cara mengheret lembu induk menggunakan bot, manakala lembu lain akan berenang mengikut induk berkenaan.

"Jika Sungai Golok ketika itu cetek, mereka akan mengheret lembu berkenaan seperti biasa," katanya ketika dihubungi.

Turut hadir doktor veterinar, Dr Wan Aimi Nadirah Abdul Rahim dan peguam hak asasi haiwan, Rajesh Nagarajan.

Shima berkata, dia sudah membuat melaporkan kejadian terbabit kepada polis dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) minggu lalu untuk siasatan dan tindakan lanjut.

"Berdasarkan sumber saya, penuntut terbabit masih berbincang dalam kumpulan aplikasi WhatsApp tentang cara lain untuk mencederakan anjing-anjing di kampus.

"Kekejaman ini tidak akan berhenti selagi tindakan tegas tidak diambil," katanya.

Sementara itu, Dr Wan Aimi Nadirah berkata, berdasarkan pemeriksaan, kecederaan di bahagian kepala ketiga-tiga anjing berkenaan konsisten dengan luka kebakaran akibat bahan letupan seperti mercun.

"Ketika pemeriksaan, sudah ada ulat pada bahagian luka menandakan ia berlaku dalam tempoh lama, kebiasaannya mengambil masa kira-kira satu hingga dua minggu untuk menjadi seburuk ini.

"Luka gigitan biasanya tidak seburuk ini kerana apabila anjing bergaduh, ia cuba menyerang telinga dan badan, tetapi dalam kes ini, tiada sebarang luka pada badan," katanya.

Dalam pada itu, Rajesh menyifatkan kejadian terbabit sebagai tidak boleh diterima dan menuntut pihak universiti untuk mengambil tindakan terhadap penuntut berkenaan.

"Tidak ada alasan untuk memberi kelonggaran kepada pelakunya hanya kerana mereka masih menuntut.

"Universiti juga mesti bertanggungjawab, sekurang-kurangnya menanggung kos rawatan perubatan anjing-anjing ini," katanya.

KPKM dakwa ada pihak tertentu seludup telur ayam AS susulan harga mahal

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Berita Harian	Online	-	21 Mac

KPKM dakwa ada pihak tertentu seludup telur ayam ke AS susulan harga mahal



Mohamad Sabu berucap pada program Libat Urus Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan bersama Pemimpin Peladang Negeri Perak di pekarangan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Tapah. - Foto L MANIMARAN

TAPAH: Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) mendakwa ada kemungkinan pihak tertentu mengambil kesempatan menyeludup bekalan telur tempatan ke Amerika Syarikat (AS) susulan harga telur di negara itu meningkat akibat kekurangan bekalan.

Menterinya, Datuk Seri Mohamad Sabu, berkata kemungkinan itu tidak dapat ditolak berikutan negara kuasa besar itu sendiri sebelum ini, ada meminta bantuan Malaysia untuk mengeksport telur ayam ke negara berkenaan.

"Tuan-tuan tahu dalam dunia sekarang, AS hadapi masalah ayam, masalah telur sampaikan mereka mai (mari) minta bantuan hendak beli telur ayam kita.

"Ini berikutan harga sepapan telur yang boleh sampai USD12 hingga USD15 (RM53 hingga RM66) atau RM4 hingga RM5 bagi sebiji telur.

"Jadinya, kita kena jagalah sempadan (membabitkan) pihak kastam dan imigresen sebab kemungkinan besar telur ayam ini akan diseludup ke Amerika sebab harga di sana terlalu mahal," katanya ketika berucap dalam majlis berbuka puasa sempena Program Libat Urus Menteri KPKM bersama Pemimpin Peladang negeri Perak di Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Tapah, di sini, semalam.

Hadir sama, Pengerusi Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Datuk Mahfuz Omar dan Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan LPP, Fauzi Badron.

Sehingga 24 Januari lalu, media melaporkan rakyat AS berdepan masalah kekurangan bekalan telur ayam serius berikutan wabak berterusan selesema burung H5N1, menyebabkan bekalan telur ayam makin berkurangan di pasaran dan sukar diperolehi.

Dalam perkembangan berkaitan, Mohamad berkata, masalah penyeludupan di sempadan negara turut membelenggu komoditi ternakan ruminan khususnya lembu yang mana ia bukan sahaja disifatkan dapat 'membunuh' penternak tempatan, malah menimbulkan kekhuatiran penyebaran penyakit.

"Masalah besar juga membelenggu bagi ternakan ruminan yang diseludup masuk seperti melalui Sungai Golok (Kelantan) di mana tahun lalu sahaja dicatatkan sebanyak 87,000 ekor yang diseludup.

Dalam perkembangan berkaitan, Mohamad berkata, masalah penyeludupan di sempadan negara turut membelenggu komoditi ternakan ruminan khususnya lembu yang mana ia bukan sahaja disifatkan dapat 'membunuh' penternak tempatan, malah menimbulkan kekhuatiran penyebaran penyakit.

"Masalah besar juga membelenggu bagi ternakan ruminan yang diseludup masuk seperti melalui Sungai Golok (Kelantan) di mana tahun lalu sahaja dicatatkan sebanyak 87,000 ekor yang diseludup.

Justeru, Mohamad berkata semua pihak perlu bekerjasama dalam memastikan kawasan sempadan negara tidak bolos termasuk dalam memelihara sektor keterjaminan makanan negara.

Jualan Madani Bidfood East Malaysia tawar dua ekor ayam serendah RM10

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Berita Harian	Online	-	21 Mac

Jualan Madani Bidfood East Malaysia tawar dua ekor ayam serendah RM10



DR. TAI GIN LOON

MURAH: Bidfood East Malaysia tawar RM10 bagi dua ekor ayam sejuk beku pada Jualan Madani khas sempena sambutan Hari Raya Aidilfitri 23 Mac ini.

KOTA KINABALU: Bidfood East Malaysia akan mengadakan Jualan Madani khas sempena sambutan Hari Raya Aidilfitri yang bakal tiba.

Pengarah Urusan Bidfood East Malaysia Dr. Tai Gin Loon berkata, syarikatnya menerapkan pelaksanaan Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) yang dianggap mampu mencipta perubahan bermakna kepada semua pihak.

"Kami komited untuk membantu mereka yang kurang bernasib baik dan memberi kembali kepada masyarakat pada peringkat yang paling asas.

KPKM dakwa ada pihak tertentu seludup telur ayam AS susulan harga mahal

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Berita Harian	Online	-	21 Mac

"Dalam menghargai pelanggan kami, syarikat Bidfood East Malaysia memainkan peranan membawa kegembiraan musim perayaan dan memberi peluang semua golongan meraikan Aidilfitri dengan menikmati hidangan bermakna bersama keluarga," katanya.

Beliau berkata, dalam jualan kali ini sebanyak 3,000 ayam sejuk beku akan dijual kepada orang ramai pada harga RM10 untuk dua ekor ayam pada 23 Mac di premis syarikat di Kolombong.

"Selain itu, kami turut menawarkan produk daging terpilih pada harga serendah RM10.

"Kami harapkan dengan penurunan harga Jualan Madani ini pada musim Hari Raya Aidilfitri membolehkan rakyat Sabah menikmati sambutan perayaan yang indah bersama keluarga," katanya.

Jualan Madani ini akan dirasmikan oleh Pembantu Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan Sabah Datuk Peto Galim, pada 23 Mac di pejabat Bidfood East Malaysia.

Bidfood East Malaysia adalah anak syarikat Bidcorp iaitu salah satu pengedar makanan terbesar di dunia untuk semua jenis daging halal, produk tenusu, coklat, pasta, herba dan rempah ratus.

Untuk maklumat lanjut, orang ramai boleh merujuk kepada Bidfood East Malaysia atau laman rasmi Facebook Datuk Peto Galim.

Peguam gesa siasat kes anjing cedera dibaling mercun di universiti

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
MalaysiaGazette	Online	-	21 Mac

Peguam gesa siasat kes anjing cedera dibaling mercun di universiti

Gambar sadis anjing yang dicerederakan di sebuah universiti awam di Gombak, Selangor telah didedahkan pada sidang media pagi ini, dengan seorang peguam menggesa pihak berkuasa untuk menyiasat tindakan kekejaman terhadap haiwan berkenaan.

Gambar-gambar itu memaparkan beberapa ekor anjing mengalami kecederaan sadis, termasuk di bahagian kepala dan leher.

Peguam, Rajesh Nagarajan menggesa pihak universiti menghukum pelajar yang bertanggungjawab.

Dalam satu kenyataan kepada *Malaysiakini*, dia berkata Jabatan Perkhidmatan Veterinar perlu mengambil tindakan undang-undang yang sewajarnya mengikut Seksyen 29 Akta Kebajikan Haiwan 2015 terhadap mereka yang mencederakan anjing itu.

"Adalah mengejutkan bahawa pelajar dari universiti awam tempatan akan begitu tidak berhati perut untuk membaling mercun ke arah anjing untuk menghalang anjing tersebut dari memasuki kampus mereka.

"Anjing-anjing tersebut telah mengalami kecederaan melecur yang sangat teruk seperti yang dinyatakan oleh doktor veterinar yang merawat semua anjing itu," katanya.



Anjing-anjing itu telah ditemui oleh individu bernama Shima Aris.

Dia terjumpa siaran Facebook yang memperincikan bagaimana seekor anjing yang cedera berkeliaran di sekitar kampus dengan sebahagian kepalanya berkecai.

"Ia bermula dengan hantaran ini. Apabila saya menyelamatkannya (anjing pertama), kami tidak tahu bagaimana dia cedera.

"Dan kemudian jumpa anjing lain. Luka yang sama. Kampus yang sama. Jadi saya siasat lagi dan bertanya-tanya.

"Dan kami mendapati kesatuan pelajar dan keselamatan kampus menggunakan mercun untuk menghalang anjing liar," kata Shima kepada *Malaysiakini*.

Dia berkata penyelamatan pertama berlaku pada 3 Nov dan dia telah menyelamatkan 20 anjing dari kampus yang sama setakat ini.

Kira-kira RM26,605.20 telah dibelanjakan untuk rawatan anjing itu setakat 14 Mac, katanya.

Shima menjelaskan bahawa dia berjaya mengumpul wang melalui crowdfunding.

Selepas anjing itu dirawat, ia dihantar ke rumah angkat atau rumah tumpangan berbayar, tambahnya.

Malaysiakini telah menghubungi kesatuan pelajar universiti itu untuk mendapatkan maklum balas.

KPKM dakwa ada pihak tertentu seludup telur ayam AS susulan harga mahal

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
TVSarawak	Online	-	21 Mac

MBKS tingkat kesedaran masyarakat vaksinasi haiwan peliharaan

TVS



Datuk Bandar Kuching Selatan, Dato Wee Hong Seng. Foto TVS

KUCHING, 20 Mac: Program Vaksinasi Anti-Rabies, Pelesenan, Mikrocip dan Pemandulan Bersubsidi Percuma untuk anjing akan diadakan pada 12 April bertempat di Dewan Masyarakat Majlis Bandaraya Kuching Selatan (MBKS).

Datuk Bandar Kuching Selatan, Dato Wee Hong Seng berkata, tahun ini MBKS menganjurkan program tersebut sebanyak lima kali dalam tempoh setahun bagi menggalakkan perkhidmatan vaksinasi dan penjagaan kesihatan haiwan peliharaan.

Menurutnya, ia bertujuan mengingatkan kesedaran pemilik anjing supaya mematuhi keperluan pelesenan dan pengenalan sekali gus menggalakkan pensterilan haiwan peliharaan untuk mengelakkan kelahiran yang tidak diingini.

“Sekarang sudah lima kali, maknanya tiada alasan dan sudah tentu kami ingin semua orang sedar bahawa rabies masih ada.

“Kami berharap semua pemilik haiwan peliharaan melakukan tanggungjawab mereka juga supaya kita dapat memastikan bahawa satu hari nanti kita mempunyai sifar rabies,” katanya.

Beliau berkata demikian semasa pada sidang media *Virtual Earth Hour 2025 And Free Anti-Rabies Vaccination, Licensing, Microchipping And Subsidized Neutering For Dogs* di Majlis Bandaraya Kuching Selatan (MBKS) di Kuching pada Khamis.

Sementara itu, beliau turut menggalakkan penyertaan orang ramai dalam program *Pet Walk 2025* dengan membawa haiwan peliharaan bertempat di MBKS pada 27 April 2025 bermula jam 6.45 pagi.

Menurutnya, program tersebut dianjurkan oleh Pertubuhan Komuniti Progresif Kuching bersempena dengan sambutan Hari Haiwan Terbiar Sedunia sebagai platform menyatukan komuniti dalam usaha menyokong kebijakan haiwan.

“Jadi maknanya anda telah memberi vaksin kepada semua haiwan peliharaan anda, maka anda boleh pergi ke sana bersama-sama untuk membawa haiwan peliharaan berjalan-jalan.

“Anda boleh bawa asalkan haiwan peliharaan anda berada dalam kawalan yang betul dan pastikan mereka tidak berlari-lari,” ujarnya. -TVS

Kilang sembelih ayam diarah henti operasi

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
BuletinTV3	Online	-	20 Mac

Kilang sembelih ayam diarah henti operasi

📄 Summarize

20 Mac 2025, 4:04pm



Pegawai Jabatan Alam Sekitar (JAS) Kedah mengambil sampel dalam longkang di kawasan kilang penyembelihan ayam yang tercemar. – FOTO NSTP/Ihsan JAS

KULIM: Sebuah kilang sembelih ayam di daerah ini diarah menghentikan operasi berikutan tindakan mereka melepaskan air tanpa rawatan sehingga berlaku pencemaran.

Pengarah Jabatan Alam Sekitar (JAS) Kedah, Sharifah Zakiah Syed Sahar berkata, premis itu didapati melakukan kerja-kerja basuhan sisa-sisa ayam beserta darah yang dialirkan terus ke longkang monsun dan kemudiannya ke longkang awam tanpa dirawat terlebih dahulu.

Beliau berkata, tindakan Penahanan Operasi Kelengkapan (POK) diambil bagi menghentikan pencemaran daripada terus berlaku.

“Premis terbabit diarahkan untuk menghentikan operasi supaya langkah pembaikan dilakukan dengan segera bagi mengawal pencemaran yang berlaku.

“Notis Arahan Seksyen 31 & 37 dikeluarkan kepada premis untuk tindakan pembaikan dan penyelenggaraan segera dalam tempoh POK berkenaan.

“POK juga turut dikenakan kepada kilang penyembelihan ayam terbabit di bawah Seksyen 38 (1) (a) Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 kerana menyebabkan pencemaran ketara ke longkang awam,” katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Sharifah Zakiah berkata, pemeriksaan di kilang itu adalah antara pelaksanaan Ops Air Raya bagi memastikan pemeriksaan pematuhan pelepasan efluen premis di negeri ini.

Beliau berkata, Ops Air Raya ini membabitkan tiga pasukan dengan kekuatan anggota seramai 19 pegawai penguat kuasa yang bermula pada jam 9 pagi hingga jam 5 petang, semalam.

“Penguatkuasaan dan pemeriksaan difokuskan ke atas industri dan punca pencemar yang berisiko menyebabkan pencemaran alam sekitar terutamanya premis yang terletak di hulu had pengambilan air iaitu di kawasan industri sekitar daerah Kulim yang tertakluk kepada Standard A Peraturan –Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian), PPKAS (EP) 2009.

“Objektif Ops Air Raya ini adalah bagi memastikan semua premis di negeri ini sentiasa mematuhi Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan peraturan – peraturan di bawahnya.

“Selain itu, ia juga dapat mencegah berlakunya insiden pencemaran alam sekitar khususnya di musim perayaan,” katanya.

Sharifah Zakiah berkata, sebanyak enam premis diperiksa dalam operasi ini dan hasil daripada pemeriksaan ini, sebanyak 17 tindakan penguatkuasaan sudah pun diambil yang merangkumi enam arahan di lapangan, lapan Notis Arahan, dua Tawaran Kompaun serta satu POK.

Sharifah Zakiah berkata, sebanyak enam premis diperiksa dalam operasi ini dan hasil daripada pemeriksaan ini, sebanyak 17 tindakan penguatkuasaan sudah pun diambil yang merangkumi enam arahan di lapangan, lapan Notis Arahan, dua Tawaran Kompaun serta satu POK.

Beliau berkata, sampel efluen bagi keenam-enam premis terbabit sudah diambil dan dihantar ke Jabatan Kimia Malaysia (JKM) dan tindakan selanjutnya akan diambil setelah keputusan analisa kimia diperolehi.

Leong Hup catat rekod Baharu suku tahunan, pendapatan tahunan penuh

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Avinews	Online	-	20 Mac

Leong Hup catat rekod baharu suku tahunan, pendapatan tahunan penuh

Keuntungan bersih Leong Hup International Bhd meningkat 72.6% kepada rekod tertinggi baharu sebanyak USD 140.84 juta dalam suku keempat berakhir 31 Disember 2024.

20 Mac 2025



Keuntungan bersih Leong Hup International Bhd meningkat 72.6% kepada rekod tertinggi baharu sebanyak USD 140.84 juta dalam suku keempat berakhir 31 Disember 2024 (4QFY2024), berbanding USD 81.6 juta setahun lalu, didorong oleh sumbangan lebih kukuh daripada segmen ternakan dan produk berkaitan ayam serta kos kewangan yang lebih rendah.

Rekod keuntungan suku tahunan tertinggi sebelum ini adalah USD 135.02 juta, yang dicapai pada suku sebelumnya.

Bagaimanapun, pendapatan suku tahunan merosot 4.1% tahun ke tahun (yoy) kepada USD 2.32 bilion daripada USD 2.41 bilion, disebabkan sumbangan lebih rendah daripada segmen kilang makanan haiwan, terutamanya di Indonesia, Vietnam dan Malaysia, menurut pemfailan kumpulan itu di bursa. Tiada dividen dicadangkan untuk 4QFY2024.

Segmen ayam pertingkatkan pendapatan

Leong Hup menyatakan bahawa pendapatan segmen ternakan dan produk berkaitan ayam meningkat 11.1% kepada USD 1.4 bilion daripada USD 1.26 bilion setahun lalu, didorong oleh harga jualan purata lebih tinggi bagi anak ayam dan ayam pedaging di Indonesia dan Vietnam, serta peningkatan jumlah jualan ayam pedaging di Indonesia. Pendapatan sebelum faedah, cukai, susut nilai dan pelunasan (Ebitda) segmen ini melonjak 146.3% kepada USD 205.99 juta daripada USD 83.63 juta.

Pendapatan segmen kilang [makanan haiwan](#) merosot 20.7% yoy kepada USD 908.82 juta daripada USD 1.15 bilion, disebabkan harga jualan purata dan jumlah jualan yang lebih rendah di Indonesia, Vietnam dan Malaysia. Ebitda segmen ini susut 30.5% kepada USD 158.53 juta daripada USD 228.16 juta.

Kos kewangan [Leong Hup](#) berkurang 20.2% kepada USD 29.26 juta daripada USD 36.66 juta dalam 4QFY2023.

Bersambung selepas pengiklanan.

Bagi keseluruhan tahun, keuntungan bersih meningkat 42.2% kepada rekod tertinggi baharu sebanyak USD 428.93 juta daripada USD 301.74 juta dalam FY2023. Sementara itu, pendapatan tahunan penuh menurun 2.4% kepada USD 9.31 bilion daripada USD 9.54 bilion.

Kumpulan itu menyatakan bahawa pengukuhan terkini dolar AS telah mengurangkan kelegaan kos daripada harga input makanan haiwan yang lebih rendah. Walau bagaimanapun, ia menjangkakan prestasi yang memuaskan bagi FY2025.

TERIMA KASIH

DISEDIAKAN OLEH:

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR**